



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

PEOPLE OF STATES AND IMPOSTORS

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhbirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Perjalanan menuju ke Allah adalah terbuka dan nyata terang. Tidak boleh ada penipuan dan penyamaran (imposters) dalam perjalanan menuju Allah. Manusia kerap menipu, buat helah dan kejahatan untuk dunia tetapi cuba mempertahankan penipuan itu sebagai wajar dan benar. Ini amalan Shaitan. Perjalanan menuju Allah adalah terang benderang, nyata dan bersih tanpa menipu sesiapa. Shaitan menunjuk perjalanan yang jahat dan sesat seraya berkata "Ini perjalanan yang betul." Sesungguhnya orang-orang itu tahu itu perjalanan yang batil dan sesat. Akhirnya mereka menempah tempat di neraka. Allah ﷻ menunjuk jalan yang benar dengan firman firman nya yang bermaksud, "Berimanlah kepada, Percayalah kepada Allah."

وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

"Wa 'alallahi falyatawakkal-il muminoon." ("Wahai orang-orang yang beriman, kenanglah nikmat Allah (yang telah dikurniakanNya) kepada kamu ketika kaum (kafir yang memusuhi kamu) hendak menghulurkan tangannya (untuk menyerang kamu), lalu Allah menahan tangan mereka daripada (menyerang) kamu. Oleh itu, bertakwalah kamu kepada Allah dan kepada Allah jualah (sesudah bertakwa itu) hendaklah orang-orang yang beriman berserah diri..") (Sura Ma'ida:11) Akhir perjalanan pada orang yang percaya kepada Allah adalah baik. Seorang Muslim tidak berdusta, tidak menipu sesiapa pun.

مَنْ غَشَّائًا فَلَيْسَ مِنَّا

"Man ghash-shana falaysa minna." "Sesiapa yang menipu bukan lah dari kami," bersabda Junjungan kita Rasulullah ﷺ. Dia lah contoh yang sebaik baik nya. Tidak lah perkara yang baik untuk menipu supaya mereka mendapat bimbingan (guidance). Mereka yang cuba membawa orang ke jalan yang benar dengan cara menipu, mereka sendiri di tipu dan di bodohkan oleh Shaitan. Perjalanan yang benar adalah jelas, huraikanlah hanya yang Haq. Jangan gunakan agama untuk kepentingan sendiri. Jika tidak anda mengikut jejak langkah Shaitan.



Sohibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

Junjungan kita Rasulullah ﷺ telah menunjukan cara dan perjalanan nya. Dia tidak pernah menipu untuk membimbing orang. Orang orang yang menipu adalah ‘cacat’ di otak, masalah sakit mental. Perbetulkanlah diri. Bukan lah perkara senang untuk berjumpa dan berbual dengan Junjungan kita Rasulullah ﷺ atau para awliya Allah. Orang yang melihat wajah Junjungan kita Rasulullah ﷺ adalah orang yang telah mencapai kebahagiaan yang mutlak (attain felicity).

Seperti yang kami nyatakan ada orang terlalu terlanjur kata dalam menipu. Jika dia tidak waras maka boleh di maafkan. Allah mengadili mengikut minda nya. Pepatah “Itha akhatha ma awhab, asqata ma awjab.” Maksud nya “Jika Allah mengambil fikiran waras seorang maka Allah tidak akan menyoal orang itu.” Dia tidak akan menyoal orang itu. Orang itu di gelar *ghayri-mukallaf*, tidak bertanggung jawab. Di nasehati supaya tidak mengikuti orang orang sebegini ‘haal’ atau keadaan. Apa yang di maksud dengan ‘haal’ ia lah *majzub* – mabuk atau gila kepada cinta Allah.

“Jangan bersama dengan majzub terlalu lama,” kata Shaykh Mawlana Nazim (QS). Kerana mereka kelihatan tidak betul dan mereka adalah majzub kurniaan Allah. Anda tidak boleh jangka apa yang mereka akan buat: Mereka kadang kala buat doa yang baik dan kadang kala doa yang tidak baik untuk anda. Maka waktu itu sangat bahaya untuk anda. Justru itu para mashayikh menasihati agar, “Jauhilah mereka.” Allah dengan kebijaksanaan nya membenarkan mereka berkeliaran di khalayak orang ramai. Ada orang tidak ikut nasehat para mashayikh, dan menjadi murid kepada mereka tetapi menderita kerana hilang kesabaran. Tidak senang mengikuti mereka. Bab pepatah Arab yang analisa sedemikian, “Sahib ahwal, la tatahammal lahul jibal.” Maknanya, “Sesungguhnya Gunung ganang tidak tahan menanggung perihal sahib ahwal – al majzubs.”

Kami berkata demikian kerana ada dua jenis orang : satu golongan orang almajzub dan satu lagi Penyamar (Imposter). Penyamar ini ada berbagai bagai, dan menarik orang untuk mengikuti nya. Orang berperangai naif atau bertingkah laku lurus, mereka ikut penyamar ini dan mereka tidak mengikuti orang yang tunjuk mereka kepada jalan Allah. Orang itu akan di pertanggung jawabkan dan orang yang mengikuti nya akan sesat dan membahayakan. Ada berjuta juta orang di dunia ini. Anda tidak berdaya melindungi semua orang dan mencegah mereka. Walaupun anda beritahu mereka, mereka akan berkata, “Saya bebas,” dan terpulang kepada mereka.

Moga Allah ﷻ lindungi kita dari orang sedemikian kerana ada orang yang menunjuk kejalan yang benar dan ada yang menyesatkan kita dan menunjukkan kita jalan Shaitan.



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

Tidak ada gunanya jika penipuan di serap dalam agama. Walaupun niat nya baik, ia bertentangan dengan sharia, perintah Allah ﷻ, dan perintah Junjungan kita Rasulullah ﷺ.

Tariqat kita adalah tariqat yang menurut sharia, mengikuti sharia, dan adalah intipati sharia. Tariqat Naqshbandi menerima empat mazhab. Sekarang ada tren baru: mereka tidak mahu menerima empat mazhab itu. Mereka mencuba membuat kerja kerja yang tidak perlu dengan menyatakan, “Kami faham dan kami buat.” Ada pepatah yang mengatakan “Kita tidak perlu mencipta serbuk letupan (gunpowder). Ia sudah di cipta.” Tidak perlu di cipta. Orang sudah meletupkan nya. Jangkamasa sepuluh tahun tidak mencukupi untuk belajar bidang mazhab. Jika anda perlu belajar anda perlu 50 tahun. Jika anda bermula sekarang dan cuba mencipta apa yang sedia ada, anda tidak akan kemana mana. Anda akan menimbul fitnah. Dan fitnah adalah amat terkutuk kerana ia mengganggu fikiran orang lain. Ini perkerjaan sia sia.

Allah ﷻ telah menunjukkan kepada kita Imam imam yang mulia ini. Mereka sudah bebakti kepada kita, kepada Allah dan kepada umat Junjungan kita Rasulullah ﷺ. Mereka tidak menerima apa apa habuan atau habuan berbentuk material, kerana mereka ada kerja mereka tersendiri. Dari pendapatan mereka, mereka menampung kehidupan mereka, bersedekah kepada fakir miskin yang memerlukan dan untuk pendidikan murid mereka. Mereka tidak akan ambil yuran dari murid mereka atau dari jualan buku mereka atau dari syarahan mereka. Mereka tidak mencari kepentingan material. Kadang kala mereka memberi pendapat yang terperinci dan bersesuaian dengan Islam yang menentang kehendak Sultan dan di penjarakan atau di siksa. Mereka ikhlas dan tidak alah dengan tekanan.

Orang hari ini sewenang wenang nya memberi fatwa. Moga Allah membuka minda mereka. Ada kah kita harus ikut orang orang sebegini? Tunjuk kepada mereka duit dan mereka memberi fatwa yang anda kehendaki. Ada kala orang sebegini di udara kan dikaca mata TV dan memekik dengan ayat Quran dengan menyatakan perkara perkara yang tidak munasabah. Kenapa mereka ke TV? Yang pertama dan utama kerana duit. Bila sudah popular duit mencurah. Mereka menjual agama demi populariti yang akan menjana duit.

Seperti yang kami tekankan, tariqat kita di sandarkan kepada shariat dan mazhab. Dahulu kala ada banyak mazhabs yang benar, tetapi ia mengelirukan. Persetujuan muktabar diambil dengan keputusan oleh alim ulama untuk menerima empat mazhab. Muslim di syorkan mengikuti salah satu mazhab. Setiap negara ada mazhab yang bersesuaian.



Sohbats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

Misalan, Mazhab Hanafi bersesuaian dengan Turki, Shafii di wilayah Arab dan (Nusantara), Hanbali dan Maliki di benua Afrika. Orang di syorkan, jika dia kehendaki, ikut salah satu mazhab. Ada juga situasi yang di benarkan, di mana orang dalam keadaan yang mendesak sahaja meniru mazhab lain. Maka seorang tidak boleh sewenang wenang nya “Sekarang, (hari ini) saya nak mengikuti cara empat mazhab dari pagi hingga petang.” Anda harus ikuti satu sahaja, (supaya tidak keliru).

Inilah apa yang di ajarkan di tariqat kita. Tidak boleh menukar sewenang wenang nya. Tidak boleh ikut hawa nafsu yang membingungkan “saya terbang, saya mendarat, saya bangun, saya kesana, saya kemari.” Ini adalah tariqat. Jangan beri perhatian kepada mereka yang berkata sebalik nya. Seperti kami katakan kedua dua orang ‘haal’ (majzub- amat mencintai Allah – ketahap gila atau mabuk Allah) dan Penyamar (Imposters) jangan di ikuti. Ini muktamad.

Moga Allah melindungi kita dan tidak membenarkan kita mengikuti hawa nafsu ego kita untuk dunia ini. Jangan sampai kita di telan bumi. Awas anda tidak boleh memiliki dunia ini. Bumi ini akan menelan anda, ego anda akan menelan anda, Shaitan akan menelan anda. Moga Allah ﷻ Lindungi kita dari orang orang sebegini. Hendaklah kita berwaspada. Hendaklah orang orang Muslim berwaspada.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
19 February 2016/10 Jumadal Awwal 1437
Post-Hadra Sohba, Akbaba Dargah